# Shahrizat berundur

## Hormati kerajaan, kepemimpinan, nafi ada kaitan isu Pusat Fidlot Nasional



*Beliau membuat keputusan untuk tidak membebankan kerajaan dan parti dengan tidak meneruskan khidmat dan ini keputusan yang betul dan tepat. Kami amat menghargai pengorbanannya*

**Datuk Seri Najib Razak**
*Perdana Menteri*

**Oleh Norfatimah Ahmad dan S Anand Kumar**
*bhnews@bharian.com.my*

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang mengumumkan pengundurannya sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selepas tamat tempoh pelantikannya sebagai senator pada 8 April ini, berkata keputusan itu diambil kerana menghormati kerajaan dan kepemimpinannya.

Bagaimanapun beliau memutuskan kekal sebagai Ketua Wanita UMNO dan Ketua Wanita Barisan Nasional (BN) bagi melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan ahli di peringkat akar umbi.

LIHAT MUKA 2

LAGI BERITA MUKA 6 dan 7